

**IKLAN JAWATAN KOSONG
DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

1. (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR
(1 KEKOSONGAN)**
- (b) Gred Jawatan : N29
- (c) Kumpulan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap
- (e) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
RM1,493.00	RM5,672.00

1.1 Syarat Lantikan

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Memiliki
 - i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.2 Syarat Peningkatan Secara Lantikan

- (a) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke

jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- i) mempunyai kelayakan di perenggan 1.1 (c); atau lulus peperiksaan Khas; dan
- ii) had umur pelantika :
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

1.3 Deskripsi Tugas

Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang-undang.

2. (a) Jawatan : **PEMBANTU PUSTAKAWAN
(1 KEKOSONGAN)**
- (b) Gred Jawatan : S19
- (c) Kumpulan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap
- (e) Jadual Gaji : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM1,352.00 RM4,003.00

2.1 Syarat Lantikan

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Memiliki
- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan; atau
 - ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

2.2 Deskripsi Tugas

- (a) Berfungsi sebagai tempat simpanan dan rujukan bahan perpustakaan
- (b) Berfungsi sebagai pusat penyerahan hadiah dan rujukan terbitan keluaran jabatan
- (c) Penglibatan dalam program hadiah dan pertukaran
- (d) Menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan perpustakaan, termasuk pinjaman antara perpustakaan.

3. (a) Jawatan : **PEMBANTU OPERASI
(1 KEKOSONGAN)**
- (b) Gred Jawatan : N11
- (c) Kumpulan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap
- (e) Jadual Gaji : Gaji Minimum Gaji Maksimum
RM1,216.00 RM2,983.00

3.1 Syarat Lantikan

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- (c) Memiliki
- i) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3.2 Deskripsi Tugas:

Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat / dokumen / saman / notis serta pemanduan kenderaan. Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2 / B / D / E2 / E1 / E. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

4. (a) Jawatan : **PEMANDU KENDERAAN
(1 KEKOSONGAN)**
- (b) Gred Jawatan : H11
- (c) Kumpulan : Pelaksana
- (d) Taraf Jawatan : Tetap
- (e) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
RM1,218.00	RM2,939.00

4.1 Syarat Lantikan

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- (c) Memiliki Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
- (d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
- (e) Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]
- (f) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
- (g) Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
 - Lesen D : RM1,264.15
 - Lesen E / E1 / E2 : RM1,310.30
 - Lesen F / H : RM1,356.45
 - Lesen G / I : RM1,402.60

4.2 Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan / jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan / jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

PERATURAN PERMOHONAN

- i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang yang boleh didapati di:-

**Unit Pengurusan Sumber Manusia
Aras 1
Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
JKR 2118 Jalan Perpustakaan
Seberang Jaya, 13700 Perai**

- ii) Untuk keterangan lanjut sila layari laman web <http://www.penanglib.gov.my>
- iii) Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah disampaikan kepada:-

**Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
JKR 2118 Jalan Perpustakaan
Seberang Jaya
13700 Perai**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

15 Oktober 2018

PERMOHONAN AKAN DITOLAK

- i) Permohonan yang tidak melalui Ketua Jabatan bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ii) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat
- iii) Tidak menggunakan Borang Permohonan Jawatan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
- iv) Tidak lengkap atau tidak terang
- v) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
- vi) Tidak disertakan gambar atau salinan dokumen yang diperlukan
- vii) Tidak menandatangani borang permohonan

CATATAN AM

- i) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 6 bulan
- ii) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga
- iii) Segala perbelanjaan bagi urusan temuduga hendaklah ditanggung oleh calon sendiri
- iv) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan
- v) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang cergas dan mempunyai daya inisiatif / komitmen yang tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.